

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Implisit Judul Berita Pilihan Raya Umum Ke-14

Faris Fakhira Tauran[1], Zaitul Azma Zainon Hamzah[1]
[1]Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Faris Fakhira Tauran (farisfakhira@gmail.com)

Abstrak

Kemenangan parti pembangkang dalam pilihan raya umum (PRU) kali ke-14 telah memecahkan tampuk pimpinan kerajaan lama yang telah memerintah selama 60 tahun. Pelbagai isu mengenai pilihan raya umum disiarkan menerusi media massa terutamanya media cetak. Media cetak seperti surat khabar juga tidak terlepas daripada menyiarkan pelbagai judul berita yang menarik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa judul berita yang ditulis menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna implisit ini akan menyukarkan pembaca untuk memahami judul yang dipaparkan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan perkataan implisit yang terdapat dalam judul berita PRU ke-14. Kaedah yang dipilih bagi melaksanakan kajian ini ialah kaedah kualitatif. Selain itu, bahan kajian yang digunakan ialah surat khabar Berita Harian keluaran bulan April dan Mei bagi tahun 2018. Namun, berita yang dipilih hanya berfokus kepada berita PRU ke-14 yang mempunyai perkataan implisit sahaja. Setiap data yang dikumpul akan dikateorikan mengikut bentuk kata iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Data yang telah dikategorikan akan dianalisis dengan menggunakan teori semiotik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat 28 judul berita PRU ke-14 yang menggunakan perkataan implisit. Kebanyakan perkataan implisit ini terdiri daripada kata majmuk iaitu sebanyak 18 judul, diikuti kata tunggal sebanyak 8 judul dan kata terbitan sebanyak 2 judul. Penggunaan perkataan implisit ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian pembaca supaya membaca berita yang disiarkan. Justeru, kajian ini secara tidak langsung dapat menunjukkan bahawa berita bergenre politik juga turut menggunakan perkataan implisit dalam penulisan judul berita.

Kata kunci: implisit, judul berita, PRU-14, surat khabar, semantik

Implicit the 14th General Election News Headline

Abstract

The victory of the opposition party in the 14th general election has broken the leadership of the old government who has ruled for 60 years. Various issues regarding the general election were broadcast through the mass media, especially the print media. Print media such as newspapers also write out many kinds of interesting news headline. However, there are some news headline written using words that have implicit meaning. The use of words that have this implicit meaning will make difficult for readers to understand the news headline. This study aims to identify and discuss implicit words that contained in the 14th GE news headline. The method chosen to carry out this study is a qualitative method. In addition, the research material used is the Berita Harian newspaper in April and May in the year 2018. However, the news selected only focuses on the 14th GE news which has implicit words only. Each data collected will be classified according to the word form which is single word, derivative

word and compound word. Data that has been categorized will be analyzed by using semiotic theory. The findings show that there are 28 news headline of the 14th GE news which use implicit words. The news headlines that have compound word are more use implicit word, which are 18 titles, followed by single word of 8 titles and derivative word have 2 titles. The uses of implicit words is intended to attract readers to read the published news. Hence, this study indirectly shows that the news of the politics genre also uses the word implicit in writing the news headline.

Keywords: implicit, news headline, general election, newspaper, semantics

Pengenalan

Pilihan raya umum (PRU) kali ke-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018 telah mengubah negara Malaysia kepada kerajaan yang baharu. Kemenangan Pakatan Harapan (PH) ke atas Barisan Nasional (BN) sebanyak 113 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan telah memberi nafas baharu buat negara Malaysia. Kejayaan ini telah berjaya memecahkan benteng pertahanan BN yang telah memerintah Malaysia selama 60 tahun. Kemenangan ini telah menunjukkan bahawa rakyat begitu yakin dengan manifesto yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan dalam usaha membentuk kerajaan baharu. Dalam usaha untuk meraih undi, setiap pihak melakukan pelbagai usaha termasuklah mengadakan kempen-kempen dan memasang bendera parti di kawasan masing-masing. Setiap aktiviti yang dijalankan pasti akan mendapat liputan daripada pihak media yang akan menyiarkan kempen yang sedang dijalankan, tidak kira sama ada ianya dari pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan.

Sepanjang kempen-kempen ini dijalankan sehingga keputusan PRU dikeluarkan, pelbagai berita mengenai parti yang bertanding disiarkan menerusi surat khabar. Berita-berita yang dipaparkan bukan sahaja mengenai pihak kerajaan tetapi juga melibatkan pihak pembangkang. Berita-berita yang dipaparkan lebih banyak menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersembunyi dan ini menyukarkan pembaca untuk memahami makna sebenar judul berita yang dipaparkan. Perkataan yang mempunyai makna tersembunyi ini tergolong dalam perkataan yang mempunyai makna implisit.

Implisit ialah tidak dinyatakan secara langsung atau tidak terang-terangan dan juga membawa maksud tersirat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Perkataan implisit ini mempunyai makna yang tersembunyi dan hanya dapat difahami oleh pembaca sekiranya mempunyai pengetahuan atau sudah biasa menggunakan perkataan tersebut. Hal ini kerana terdapat beberapa perkataan yang hanya wujud apabila menjelang pilihan raya sahaja dan ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami makna sebenar bagi perkataan tersebut. Pembaca akan dapat memahami makna perkataan tersebut apabila membaca isi berita yang dipaparkan.

Selain itu, perkataan implisit yang digunakan oleh wartawan dalam penulisan judul berita PRU terdiri daripada perkataan yang dicipta oleh wartawan sendiri atau istilah yang digunakan oleh ahli politik ketika diwawancara atau berucap. Menurut Yuentie Sova Puspidalia (2015), judul berita yang menggunakan perkataan yang bukan makna sebenar dapat memberikan kesan yang hidup, lebih segar dan mudah untuk menarik perhatian pembaca. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan yang mempunyai makna implisit ini akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang dipaparkan. Hal ini secara tidak langsung telah menolak fungsi surat khabar sebagai media penyampaian maklumat yang berkesan kepada masyarakat.

Permasalahan Kajian

Judul berita merupakan bahagian utama yang akan dilihat oleh pembaca ketika membaca surat khabar. Isi judul berita merupakan inti berita dan ringkasan berita tersebut (Bell, A., 2003). Pemilihan perkataan yang akan digunakan pada judul berita seharusnya lebih tepat dan jelas maknanya. Namun, penggunaan perkataan yang mempunyai makna implisit ini akan menyebabkan kekaburan makna bagi perkataan yang digunakan. Faridah Ibrahim & Chau Pao Ling (1997), turut menyatakan bahawa pihak

wartawan dan media banyak menggunakan perkataan yang mujarad, iaitu tidak mempunyai makna yang tepat dalam penulisan berita. Makna yang tidak tepat ini adalah kerana perkataan tersebut direka oleh penulis supaya lebih sensasi untuk dibaca. Hal ini turut mendapat perhatian Fanny Indriawaty (2008), yang menyatakan bahawa bagi melariskan sesebuah akhbar, mereka menggunakan kata yang sensasi supaya dapat menarik perhatian pembaca. Hal ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang hendak disampaikan dengan lebih tepat dan jelas. Justeru, kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

i. Mengenal pasti bentuk kata yang mempunyai makna implisit dalam surat khabar Berita Harian.
ii. Menghuraikan makna implisit judul berita dengan menggunakan teori semiotik.

Sorotan Kajian

Di samping itu, kajian makna implisit telah banyak dijalankan. Namun kajian yang dijalankan adalah dari sudut yang berbeza dan bahan kajian yang digunakan juga turut berbeza. Muhammad Zuhair Zainal, Al-Amin Mydin & Ahmad Mahmood Musanif (2018), menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam skrip drama Melayu dan kajian hampir sama dijalankan oleh Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin, iaitu mengenai makna tersirat. Walau bagaimanapun Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin (2014) tidak hanya berfokus kepada makna tersirat, tetapi juga turut mengkaji makna tersurat yang terdapat dalam iklan radio. Walaupun bahan kajian yang berbeza, namun tujuan kajian adalah sama. Hal ini kerana kedua-dua kajian ini ingin mengenal pasti makna tersirat yang digunakan dalam bahan yang dipilih. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim (2016) yang mempunyai kajian hampir sama dengan Nor Saadah Mohd Salleh & Hashim Musa (2016). Kedua-dua kajian ini menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam majalah. Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim (2016) menggunakan dua jenis majalah. iaitu Mingguan Wanita Edisi Khas Syawal 2015, dan Harmoni Edisi Khas Ramadan dan Aidilfitri 2015. Manakala, Nor Saadah Mohd Salleh & Hashim Musa (2016) hanya menggunakan majalah Mingguan Wanita sebagai bahan kajian. Kesemua kajian terdahulu kebanyakannya menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam majalah dan skrip drama. Hal ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai makna tersirat atau implisit dalam judul berita surat khabar.

Selain itu, kajian mengenai berita PRU telah banyak dijalankan. Namun, kebanyakannya mengkaji isu PRU yang melibatkan pengaruh media sosial terhadap PRU, isu pengundi, kempen mengundi dan agenda politik. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian berita PRU yang melibatkan surat khabar. Zeti Azreen Ahmad, Ismail S.Y. Ahmed, Hartini Wakichan & Hazwani Halem (2017), telah menjalankan kajian mengenai pengaruh surat khabar etnik dalam membentuk pendapat pengundi Cina dan India. Kajian ini hanya memfokuskan bagaimana surat khabar mampu mempengaruhi pengundi yang berbangsa Cina dan India dalam meraih undian mereka. Begitu juga dengan Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa (2017), yang menjalankan kajian perubahan corak penulisan surat khabar berita PRU. Kedua–dua kajian ini tidak memfokuskan tentang judul berita PRU yang terdapat dalam surat khabar. Hal ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian judul berita PRU dari sudut semantik iaitu makna implisit.

Di samping itu, kajian mengenai judul berita akhbar juga telah banyak dilaksanakan. Kajian mengenai judul berita kurang dilihat dari sudut semantik. Kajian judul berita yang melibatkan makna telah dilakukan oleh Yuentie Sova Puspidalia (2015) dan Leni Safrika, Warni & Andiopenta (2015). Walau bagaimanapun, aspek kajian mereka adalah berbeza kerana Yuentie Sova Puspidalia (2015) mengkaji dari sudut fungsi dan makna kias serta manfaatnya dalam pembelajaran, manakala kajian Leni Safrika, Warni & Andiopenta (2015), adalah lebih tertumpu kepada penggunaan simpulan bahasa dalam berita jenayah. Seterusnya, kebanyakan kajian judul berita lebih berfokus kepada kajian yang berkaitan dengan tatabahasa, diksi, gaya bahasa dan singkatan. Kajian Shahrul Azman Mohd Noah, Nazlena Mohamad Ali & Mohd Sabri Hasan (2018), adalah mengenai penentuan fitur dalam penulisan judul berita akhbar. Kajian ini menggunakan surat khabar Utusan Malaysia dan Berita Harian sebagai bahan

kajian. Kajian yang dijalankan juga tidak hanya berfokus kepada surat khabar sahaja, tetapi juga melibatkan tiga respondan untuk mendapatkan data. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tiga fitur yang digunakan dalam penghasilan judul berita.

Dalam pada itu, kajian mengenai judul berita juga turut dijalankan oleh Afrilla Wulandari (2013), Tsar Prasojo R (2012) dan Dwi Laksim Karengga Ruci (2012). Persamaan ketiga-tiga kajian ini ialah mengkaji judul berita dari aspek diksi. Kajian Afrilla Wulandari (2013) lebih tertumpu kepada kesalahan dikis yang digunakan sebagai judul berita dan hasil kajian menunjukkan bahawa judul berita yang ditulis terdiri daripada perkataan yang tidak baku, kata pertuturan dan kata yang diciptakan sendiri. Kajian Tsar Prasojo R (2012), tidak hanya tertumpu dari aspek diksi, tetapi juga turut mengkaji gaya bahasa yang digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa diksi yang digunkan pada judul terdiri daripada kata umum, kata khusus, kata denotatif, kata konotatif dan kata yang lebih ilmiah. Manakala dapatan gaya bahasa pula menunjukkan bahawa gaya bahasa yang digunakan dalam judul terdiri daripada gaya bahasa tidak rasmi, gaya bahasa percakapan dan gaya bahasa kiasan. Justeru, kajian terdahulu dapat memberi gambaran mengenai kajian yang telah dilaksanankan dan berdasarkan kajian-kajian lepas ini telah memberi kesempatan untuk menjalankan kajian mengenai makna implisit yang terdapat dalam judul berita pilihan raya.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah memilih surat khabar Berita Harian keluaran bulan April dan Mei 2018 sebagai bahan kajian. Dua bulan ini dipilih kerana tarikh pembubaran parlimen adalah pada 7 April 2018 dan pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pembubaran parlimen. Sehubungan itu, dalam tempoh 60 hari tersebut melibatkan bulan April dan Mei. Selain itu, berita yang dipilih hanyalah berita yang berkaitan dengan pilihan raya umum yang mempunyai makna implisit sahaja. Berita mengenai pilihan raya umum dipilih sebagai bahan kajian kerana PRU hanya diadakan dalam tempoh 5 tahun sekali dan ini telah memberi peluang dalam menjalankan kajian mengenai judul berita PRU. Dalam pada itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Judul yang dikumpul akan dikenal pasti perkataan yang mempunyai makna implisit dan perkataan tersebut akan dikategorikan mengikut bentuk kata. Dalam kajian ini terdapat tiga bentuk kata yang akan digunakan, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Setiap data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan teori semiotik yang diasaskan oleh Charles Williams Morris (1901-1979). Teori ini mempunyai tiga bahagian, iaitu sintaksis, semantik dan pragmatik. Sehubungan itu, dalam makalah ini, data yang dihuraikan dipilih secara rawak bagi mengaplikasikan teori semiotik.

Teori Semiotik

Teori ini dipelopori oleh Charles Williams Morris (1901-1979). Beliau merupakan tokoh yang mengembangkan *behaviourist semiotics*. Morris juga mengikut jejak langkah Peirce yang menggunakan istilah semiotik dalam usaha mengembangkan ilmu tanda. Sehubungan itu, dalam teori ini Moriss telah membahagikan proses semiotik kepada tiga tanda, iaitu sintaksis, semantik dan pragmatik. Menurut Mana Sikana (2001) , ketika membaca, pembaca boleh menentukan jenis tanda yang digunakan sama ada menggunakan salah satu daripada tiga tanda, dua tanda atau ketiga-tiga tanda sekali.

Tanda sintaksis ialah tanda yang menghubungkan antara satu tanda dengan tanda yang lain. Sehubungan itu, dalam sintaksis termasuk kajian mengenai hubungan antara kombinasi dalam bahasa yang menumpukan struktur tatabahasa. Sehubungan itu, dalam peraturan sintaksis mengambil kira tentang kajian penulisan tanda dan hubungan antara tanda seperti yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2007), selagi pembaca masih berada di dalam kawasan sintaksis, pembaca tidak akan terkeluar daripada apa yang difahami, berdasarkan ayat-ayat yang telah disusun oleh penulis. Dalam pada itu, sintaksis merupakan peraturan yang digunakan oleh manusia untuk menhubungkan bebagai tanda ke dalam sistem yang lebih kompleks. Oleh itu, manusia menggunakan berbagai tanda dalam mengungkapkan sesuatu makna.

Selain itu, tanda semantik merupakan kajian mengenai hubungan antara tanda dengan objek yang akan menghasilkan makna (Sari Wulandari, 2010). Menerusi semantik, makna bukan sahaja diberi pada makna denotatif atau tersurat, malah turut memberikan makna dari sudut makna konotatif atau makna tersirat. Menurut Mana Sikana (2001), semantik ialah tanda yang dapat menghubungkan tanda dengan apa-apa yang ditandai. Melalui tanda tersebut dapat melahirkan tanda yang lain serta dapat dicari makna dan signifikanya. Sehubungan itu, semantik merupakan ilmu yang dapat mempelajari makna tanda yang digunakan oleh masyarakat berdasarkan situasi dan konteks tertentu. Makna dapat dilihat menerusi kamus yang akan menyatakan sesuatu erti berdasarkan sesuatu kata. Dalam prinsip dasar semiotik, perwakilan diberi makna berdasarkan tafsiran seseorang dan setiap makna yang ditafsir maknanya akan berubah berdasarkan situasi tertentu.

Di samping itu, tanda pragmatik ialah kajian penggunaan tanda serta kesan yang dihasilkan tanda. Pragmatik memainkan peranan yang penting dalam mempelajari kefahaman dan kesalahfahaman tenang sesuatu perkara semasa berkomunikasi (Bambang Mudjiyanto dan Emilsyah Nur, 2013). Menurut Ali Romdhoni (2016), pragmatik merupakan kajian mengenai hubungan antara tanda dengan penggunanya, terutama yang berkaitan dengan penggunaan tanda secara konkrit dalam pelbagai peristiwa serta kesannya kepada masyarakat. Dalam pada itu, pragmatik merupakan pemaknaan yang dihubungkan dengan penggunanya sehingga dapat mentafsir konteks penggunaan tanda (Sari Wulandari, 2010).

Oleh itu, setiap data yang dikumpul akan dianalisis berdasarkan tiga jenis tanda yang terdapat dalam teori semiotik yang diperkenalkan oleh Morris. Data bukan sahaja akan dianalisis dari sudut ayat, malah turut melibatkan pemaknaan tanda yang mempunyai makna implisit dan penjelasan bagi perkataan implisit ini dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Pemberian makna bagi perkataan implisit ini adalah berdasarkan makna asal perkataan yang disesuaikan mengikut konteks politik semasa.

Dapatan Kajian

Bentuk Kata Implisit

Sebanyak 28 buah judul berita yang dikenal pasti menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Data yang dikumpul ini dikategorikan mengikut tiga jenis bentuk kata, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk seperti dalam rajah berikut:

Jadual 1: Judul berita yang mempunyai kata tunggal makna tersirat

Bil	Judul Berita	Kata Tunggal	Tarikh
1	Elak Dr M **sengat** kita lagi	Sengat	20 April 2018
2	Saya takkan masuk '**gelanggang**' dia	Gelanggang	1 Mei 2018
3	Pembangkang mula '**jual**' isu agama	Jual	4 Mei 2018
4	Biar rakyat '**tampar**' dia dengan undi	Tampar	6 Mei 2018
5	DAP '**kilang**' fitnah	Kilang	6 Mei 2018
6	Siang raih simpati, malam **belasah** orang	Belasah	7 Mei 2018
7	Teori konspirasi '**senjata**' makan UMNO	Senjata	22 Mei 2018
8	Masih ada '**pentas**' lain untuk UMNO berbakti	Pentas	24 Mei 2018

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat 8 judul berita yang menggunakan kata tunggal makna implisit. Kata tunggal ialah kata yang tidak menerima imbuhan, penggandaan dan perangkaian (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015). Judul yang padat dan bernas tidak menggunakan perkataan yang terlalu panjang, kompleks, kabur dan mengelirukan (Jeniri Amir, 2006). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan perkataan yang ringkas atau pendek ini adalah merujuk kepada penggunaan kata tunggal kerana kata ini tidak menerima sebarang imbuhan yang lain. Di samping itu, kata tunggal yang

terdapat dalam judul di atas mempunyai makna implisit. Penggunaan kata implisit ini menunjukkan bahawa judul berita ini mempunyai makna yang lain daripada makna harfiahnya.

Jadual 2. Judul berita yang mempunyai kata terbitan makna tersirat

Bil	Judul Berita	Kata Terbitan	Tarikh
1	Nik Omar '**panaskan**' pemimpin PAS	Panaskan	1 Mei 2018
2	'**Perkahwinan**' pembangkang dijangka tidak tahan lama	Perkahwinan	6 Mei 2018

Jadual 2 pula menunjukkan bahawa terdapat dua judul berita yang menggunakan kata terbitan makna implisit. Kata terbitan ialah kata dasar yang menerima imbuhan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015). Kata dasar bagi perkataan *panaskan* ialah panas. Kata ini menerima imbuhan –kan di akhir kata. Manakala kata dasar bagi perkataan *perkahwinan* ialah kahwin, dan kata ini menerima imbuhan per-...-kan di awal dan akhir kata. Menurut Ahmad Harith Syah Md. Yusuf (2008), proses pengimbuhan yang berlaku pada kata dasar bertujuan untuk memberi kejelasan dan kerelevanan kepada pendengar. Justeru, penggunaan imbuhan dalam judul berita adalah bertujuan untuk memberi kejelasan berita kepada pembaca walaupun ditulis dengan ringkas.

Jadual 3. Judul berita yang mempunyai kata majmuk makna tersirat

Bil	Judul Berita	Kata Majmuk	Tarikh
1	'**Tsunami Melayu** muslihat DAP'	Tsunami Melayu	3 April 2018
2	Pengundi bijak elak '**Tsunami**' **Melayu**	Tsunami Melayu	3 Mei 2018
3	Spekulasi **Tsunami Melayu** tidak akan melanda PRU-14	Tsunami Melayu	13 April 2018
4	Tiada **tsunami Melayu** tetapi **tsunami fitnah** pembangkang	Tsunami Melayu, Tsunami fitnah	6 Mei 2018
5	Sebar berita benar tangkis **tsunami fitnah**	Tsunami fitnah	7 Mei 2018
6	Sebar berita benar tangkis **tsunami fitnah**	Tsunami fitnah	7 Mei 2018
7	100 peratus **tsunami Malaysia**	Tsunami Malaysia	10 Mei 2018
8	BN gagal kesan gelombang **tsunami rakyat**	Tsunami rakyat	11 Mei 2018
9	**Pengundi putih** perlu mengundi awal	Pengundi putih	8 Mei 2018
10	Jangan abaikan **pengundi** '**kelabu**', '**hitam**'	Pengundi kelabu, hitam	3 Mei 2018
11	'Tarik **pengundi kelabu** selepas jam 12 tengah hari'	Pengundi kelabu	9 Mei 2018
12	**Kantung kerajaan** cukup laksana aku janji	Kantung kerajaan	9 April 2018
13	'**Cah keting**' tak serius	Cah keting	3 Mei 2018
14	Sukar bendung '**cah keting**'	Cah keting	20 Mei 2018
15	'**Cah keting**' punca kejatuhan UMNO	Cah keting	21 Mei 2018
16	Pembangkang **beli** '**penonton**' FB Live	Beli penonton	7 Mei 2018
17	Tiada calon '**payung terjun**'	Payung terjun	13 April 2018
18	Waspada '**bom fitnah**' pembangkang	Bom fitnah	14 April 2018

Di samping itu, dalam jadual 3, terdapat 18 judul berita menggunakan kata majmuk yang mempunyai makna implisit. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015), kata majmuk ialah kata yang merangkaikan dua atau lebih kata dasar yang akan memberikan makna khusus. Dalam pada itu, kata majmuk ini juga dieja secara terpisah dan tidak boleh menerima penyisipan unsur lain. Menurut Jeniri Amir (2006), salah satu prinsip penulisan judul berita ialah spesifik dan ini menunjukkan bahawa kata-kata yang lebih khusus akan memberikan makna yang jelas. Sehubungan itu, penggunaan makna implisit dalam kata majmuk ini adalah merujuk kepada istilah khusus bagi mewakili sesuatu seperti orang, tempat dan perbuatan. Namun, perkataan ini merupakan perkataan implisit yang hanya dapat difahami oleh pembaca setelah membaca berita tersebut, kerana makna implisit yang diberi adalah berdasarkan konteks berita politik tersebut.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 32 - 44), 2019

Justeru, hasil data menunjukkan bahawa judul berita PRU ke-14 ini banyak menggunakan kata majmuk iaitu sebanyak 64% berbanding dengan kata tunggal iaitu sebanyak 29% dan kata terbitan sebanyak 7%. Kata majmuk lebih banyak menggunaan makna implisit kerana terdapat pelbagai istilah baharu yang digunakan oleh pihak wartawan dan ahli politik bagi menggambarkan sesuatu perkara secara implisit. Penggunaan perkataan implisit ini bukan sahaja untuk boleh mengelirukan pembaca, tetapi juga akan menyukarkan pembaca untuk memahami judul berita dengan lebih tepat.

Makna Implisit Kata Tunggal

Sintaksis merupakan tanda yang mempunyai hubungan dengan objek yang lain (Mana Sikana, 2001). Judul di bawah mempunyai kata tunggal implisit, iaitu *gelanggang*.

> *Saya takkan masuk '**gelanggang**' dia*
>
> (Sumber: Berita Harian, 1 Mei 2018)

Penggunaan perkataan *gelanggang* di dalam judul ini telah memberi gambaran kepada pembaca bahawa individu tersebut tidak akan masuk ke *gelanggang* seseorang. Menurut Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua (2016), *gelanggang* ialah tempat yang lapang untuk diadakan sesuatu pertandingan atau bermaksud medan peperangan. Maksud ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *gelanggang* ini merujuk kepada sebuah tempat bertanding, namun berita ini adalah mengenai pilihan raya. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perkataan *gelanggang* ini mempunyai makna implisit yang akan dijelaskan dari sudut pragmatik. Dari sudut konteks politik, penggunaan perkataan *gelanggang* di dalam judul ini adalah perlambangan sebagai sebuah permainan atau taktik politik. Hal ini kerana dalam musim pilihan raya pelbagai isu yang sengaja ditimbulkan oleh pihak pembangkang agar dapat menarik perhatian pihak tersebut untuk terjebak dalam isu yang mereka timbulkan. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berita berikut:

> *PARIT BUNTAR: Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, beliau tidak akan terjebak dengan taktik pembangkang yang sengaja membangkitkan isu tidak benar untuk 'memancing' perhatiannya.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 1 Mei 2018)

Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa perkataan *gelanggan* ini diberi perlambangan sebagai sebuah permainan atau taktik politik terhadap sesuatu isu yang sengaja ditimbulkan oleh pembangkang. Penggunaan perkataan *gelanggang* ini adalah gambaran kepada taktik yang digunakan bagi menarik perhatian pihak lain untuk turut serta dalam isu yang dikemukakan. Justeru, perkataan *gelanggang* dalam judul ini adalah merujuk kepada makna permainan isu yang ditimbulkan.

> *DAP '**kilang**' fitnah*
>
> (Sumber: Berita Harian, 6 Mei 2018)

Ayat yang terdapat dalam judul ini dapat memberi gambaran kepada pembaca mengenai DAP sebagai sebuah kilang yang menghasilkan fitnah. Walau bagaimanapun, pada musim pilihan raya ini, masyarakat sudah semestinya mengenali parti-parti yang bertanding. Sehubungan itu, pembaca boleh mentafsir bahawa DAP merupakan singkatan bagi nama sesebuah parti. Namun, penggunaan perkataan *kilang* di dalam judul ini tidak dapat menjelaskan isu yang ingin disampaikan kepada pembaca. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan *kilang* di dalam judul ini mempunyai makna implisit. Dari sudut semantik, makna *kilang* ialah bangunan yang beserta dengan alat-alat untuk membuat barang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). *Kilang* juga merupakan tempat memproses barang atau sesuatu produk sebelum dipasarkan kepada pengguna. Berdasarkan makna ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan *kilang* di dalam judul ini tidak memberikan maksud yang sebenar bagi menggambarkan judul tersebut. Hal ini secara tidak langsung memnunjukkan bahawa makna implisit perkataan *kilang* ini dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Penggunaan perkataan *kilang* di dalam judul ini adalah berdasarkan makna harfiah *kilang*, namun ditukarkan dalam konteks politik. Hal ini kerana kebiasaannya *kilang* adalah merujuk kepada tempat untuk memproses barang sesuatu produk dan kemudian dipasarkan kepada pengguna. Dalam konteks politik ini, perkataan

kilang ini merujuk kepada perbuatan pihak DAP yang menyediakan bahan fitnah. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berita tersebut:

> *PEKAN: DAP adalah 'kilang' fitnah yang mengeluarkan propaganda berita palsu untuk merosak dan memburukkan kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Najib Razak.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 6 Mei 2018)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa perkataan *kilang* ini merujuk kepada pihak DAP yang menghasilkan atau mengeluarkan bahan-bahan fitnah untuk disebarkan kepada masyarakat. Justeru, penggunaan perkataan *kilang* ini adalah merujuk kepada pihak yang mengeluarkan bahan penyebaran fitnah.

Makna Implisit Kata Terbitan

Selain itu, judul berita di atas menggunakan kata terbitan yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *panaskan*.

> *Nik Omar '**panaskan**' pemimpin PAS*
>
> (Sumber: Berita Harian, 1 Mei 2018)

Judul ini telah memberi gambaran kepada pembaca bahawa Nik Omar telah melakukan sesuatu yang memanaskan pemimpin PAS. Penggunaan perkataan *panaskan* di dalam judul ini mempunyai makna implisit kerana maknanya tidak jelas dalam judul tersebut. Perkataan *panaskan* menerima imbuhan –kan di akhir kata dan kata dasarnya ialah *panas*. Perkataan *panaskan* membawa maksud bakar, celup, celur, dadar, didih dan gril (Kamus Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua, 2011). Manakala makna kata dasar bagi perkataan *panaskan*, iaitu *panas* ialah sesuatu yang bersuhu tinggi atau hangat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Imbuhan –kan di akhir kata berfungsi sebagai kata kerja dalam bahasa Melayu (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015). Sehubungan itu, perkataan *panaskan* ini adalah merujuk kepada perbuatan seseorang yang sedang memanaskan sesuatu. Sehubungan itu, makna harfiah perkataan ini tidak dapat disesuaikan dalam judul tersebut kerana makna yang diberikan tidak sesuai dengan isu politik yang dipaparkan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perkataan *panaskan* ini mempunyai makna implisit yang akan dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Penggunaan perkataan *panaskan* di dalam judul ini adalah berdasarkan makna harfiah *panas*, namun ditukarkan dalam konteks politik. Dari segi kiasan, *panas* dikaitkan dengan perasaan marah atau meradang (Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua, 2016). Hal ini dapat disesuaikan dengan konteks judul tersebut bahawa Nik Omar telah menimbulkan kemarahan pemimpin PAS. Keadaan ini dapat dibuktikan menerusi petikan berita tersebut:

> *KOTA BHARU: Keputusan anak bekas Mursyidul Am PAS, Nik Omar Nik Aziz, bertanding atas tiket PKR pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), ternyata menyebabkan pemimpin PAS seperti dalam 'kepanasan' terutama Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 1 Mei 2018)

Berdasarkan petikan ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *panaskan* yang terdapat dalam judul ini adalah untuk menggambarkan perasaan marah kerana tidak berpuas hati terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan. Justeru, perkataan *panaskan* di dalam judul ini adalah merujuk kepada perbuatan yang boleh menimbulkan kemarahan seseorang.

> '**Perkahwinan**' pembangkang dijangka tidak tahan lama
>
> (Sumber: Berita Harian, 6 Mei 2018)

Di samping itu, kata terbitan implisit yang terdapat dalam judul di atas ialah *perkahwinan*. Ayat yang terdapat dalam judul ini memberi gambaran kepada pembaca bahawa *perkahwinan* yang berlangsung dalam kalangan pembangkang tidak akan kekal. Penggunaan perkataan *perkahwinan* di dalam judul

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 32 - 44), 2019

ini mempunyai makna implisit kerana tidak menggambarkan berita sebenar yang ingin disampaikan. *Perkahwinan* ialah perihal berkahwin atau pernikahan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Menerusi makna ini jelas menunjukkan bahawa makna perkataan *perkahwinan* adalah merujuk kepada penyatuan dua insan menerusi *perkahwinan*. Walau bagaimanapun judul di atas merupakan judul yang memaparkan isu politik. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perkataan *perkahwinan* ini mempunyai makna implisit yang dapat diterangkan dari sudut pragmatik. Sehubungan itu, dalam konteks politik makna *perkahwinan* ini diberi perlambangan sebagai penyatuan parti-parti pembangkang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berita berikut:

> *Rakyat tidak sepatutnya mempercayai pakatan pembangkang yang hanya datang bersama untuk merebut pangkat, tetapi akan berbalah sesama sendiri selepas mendapat jawatan diingini.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 6 Mei 2018)

Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa perkataan *perkahwinan* ini adalah merujuk kepada penyatuan atau dalam petikan di atas menggunakan frasa 'datang bersama' untuk menunjukkan penyatuan para pembangkang. Justeru, penggunaan perkataan *perkahwinan* yang terdapat dalam judul tersebut merupakan perlambangan bagi membawa maksud penyatuan parti pembangkang untuk membentuk satu parti yang lebih kukuh.

Makna Implisit Kata Majmuk

Selain itu, terdapat juga judul berita yang mempunyai kata majmuk implisit, iaitu *tsunami Melayu*.

> Spekulasi **Tsunami Melayu** tidak akan melanda PRU-14
>
> (Sumber: Berita Harian, 13 April 2018)

Judul di atas memberi gambaran kepada pembaca bahawa terdapat andaian yang menyatakan bahawa tidak akan berlaku *tsunami Melayu* dalam pilihan raya ke-14 kali ini. Penggunaan perkataan *tsunami Melayu* yang terdapat dalam judul ini tidak mempunyai makna yang jelas. Dalam pada itu, pemberian makna *tsunami Melayu* masih tidak jelas kerana tiada makna yang tepat bagi mengambarkan makna sebenar perkataan ini. Namun, tsunami membawa maksud ombak besar yang berlaku akibat gempa bumi atau letupan gunung berapi bawah laut yang boleh menyebabkan kemusnahan harta benda dan mengorbankan nyawa manakala perkataan Melayu adalah merujuk kepada nama suatu bangsa dan bahasa (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Berdasarkan makna harfiah ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *tsunami Melayu* ini mempunyai makna implisit yang dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Penggunaan perkataan *tsunami Melayu* di dalam judul ini adalah perlambangan yang diberikan dari makna asal perkataan tersebut. Sehubungan itu, dari konteks politik, tsunami adalah perlambangan bagi perubahan yang berlaku. Hal ini kerana tsunami adalah fenomena alam semula jadi yang boleh mengakibatkan kemusnahan dan perubahan dalam sekelip mata. Perubahan inilah yang diberi perlambangan sebagai tsunami, dan Melayu pula dikaitkan dengan orang Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa *tsunami Melayu* ini merujuk kepada perubahan yang akan dilakukan orang Melayu dalam pilihan raya kali ini. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berita berikut:

> *Rembau: Masyarakat Melayu memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional dan tidak akan berlaku 'Tsunami Melayu' seperti dicanang beberapa pihak menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).*
>
> (Sumber: Berita Harian, 13 April 2018)

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan bahawa makna perkataan *tsunami Melayu* adalah merujuk kepada perubahan yang akan dibawa oleh orang Melayu dalam pilihan raya pada kali ini. Oleh itu, perkataan *tsunami Melayu* adalah merujuk kepada makna perubahan orang Melayu.

> Jangan abaikan **pengundi** '**kelabu**', '**hitam**'
>
> (Sumber: Berita Harian, 3 Mei 2018)

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 32 - 44), 2019

Judul berita di atas menunjukkan bahawa terdapat kata majmuk yang mempunyai makna implisit, iaitu *pengundi kelabu, hitam*. Dari sudut sintaksis judul tersebut dapat memberi gambaran kepada pembaca bahawa pihak tersebut tidak akan mengabaikan pengundi kelabu dan hitam. Walau bagaimanapun, perkataan *pengundi kelabu, hitam* di dalam judul ini tidak mempunyai makna yang jelas dan makna ini dapat dijelaskan dari sudut semantik. Menurut Muda Mohd Noor (2008), *pengundi kelabu* ialah pengundi yang berada di atas pagar manakala *pengundi hitam* ialah pengundi yang menyokong pembangkang. Sehubungan itu, pemberian makna perkataan ini dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Pemberian makna *pengundi kelabu* yang dikaitkan sebagai pengundi atas pagar adalah bersangkutan dengan perkataan kelabu yang merujuk kepada kata adjektif warna. Warna kelabu terhasil akibat daripada campuran antara warna putih dan warna hitam. Sebagai contoh benda yang berwarna kelabu ialah abu arang. Warna kelabu yang terdapat pada abu arang tidak terlalu terang atau gelap. Menurut Ana Yuliastanti (2008), ukuran kecerahan warna bermula dari warna putih, diikuti warna kelabu dan seterusnya warna hitam. Kedudukan warna kelabu yang berada di tengah-tengah antara warna hitam dan warna putih, telah memberi gambaran bahawa perkataan kelabu yang dimaksudkan dalam judul ini adalah untuk merujuk kepada sesuatu yang berada pada kedudukan di tengah-tengah. Justeru itu, konteks perkataan kelabu di dalam judul ini adalah merujuk kepada kedudukan pengundi yang berada di tengah-tengah atau dalam erti kata yang lebih mudah ialah pengundi yang masih tidak menyokong mana-mana pihak.

Di samping itu, perkataan hitam yang terdapat pada judul tersebut merupakan kata adjektif warna. Menurut Yusof Al-Uqshari (2005), warna hitam adalah warna yang menunjukkan perasaan benci, buruk, sedih, sakit dan permusuhan. Namun, berdasarkan konteks judul tersebut perkataan hitam ini diberi perlambangan sebagai orang yang membenci dan tidak akan menyokong pihak tersebut. Sehubungan itu, jelaslah bahawa penggunaan perkataan *kelabu* dan *hitam* di dalam judul tersebut adalah merujuk kepada keadaan pengundi yang masih lagi tidak menyokong pihak tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

> *BUKIT GANTANG: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meminta jentera Barisan Nasional (BN) di seluruh negara supaya tidak prejudis terhadap pengundi kelabu dan hitam sebaliknya turut memberikan fokus untuk menarik mereka memberikan undi kepada BN.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 3 Mei 2018)

Berdasarkan petikan ini jelas menggambarkan bahawa pihak BN menyeru agar penyokongnya tidak mengenepikan pengundi yang tidak menyokong parti tersebut sebaliknya menarik perhatian mereka untuk mengundi parti tersbut. Oleh itu, penggunaan perkataan *pengundi kelabu, hitam* di dalam judul ini tidak merujuk kepada warna, sebaliknya merujuk kepada kedudukan pengundi yang masih lagi tidak menyokong pihak tersebut.

> *Sukar bendung '**cah keting**'*
>
> (Sumber: Berita Harian, 20 Mei 2018)

Seterusnya, judul ini juga menggunakan kata majmuk yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *cah keting*. Dari sudut sintaksis judul ini dapat memberi gambaran kepada pembaca bahawa sukar untuk membendung atau mengatasi perbuatan *cah keting*. Menurut Zulkifli Jalil (2018), *cah keting* membawa maksud mematahkan atau menewaskan lawan dan kebiasaannya perkataan ini digunakan dalam sukan bola sepak. Makna perkataan ini tidak sesuai dengan judul di atas kerana berita yang disiarkan adalah mengenai politik. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perkataan *cah keting* ini mempunyai makna implisit. Sehubungan itu, pemberian makna perkataan ini dapat dijelaskan dari sudut pragmatik. Dalam makna sebenar, perkataan *cah keting* merujuk kepada perbuatan menewaskan pihak lawan yang bermain bola sepak. Namun, dalam konteks politik, *cah keting* ini merujuk kepada sikap yang suka menjatuhkan atau menyingkirkan seseorang demi kepentingan politik diri sendiri. Hal ini turut di sokong oleh Zulkifli Jalil (2018), yang menyatakan bahawa sikap cah keting menjelang pilihan raya adalah bertujuan untuk menghalang calon daripada dapat bertanding. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berita berikut:

> *Beliau berkata, budaya berkempen 'selipar sebelah kasut sebelah' dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu turut memperlihatkan kerapuhan jentera UMNO-BN Hulu Terengganu, selain menonjolkan sikap 'cah keting' masih berleluasa dalam kalangan kepimpinan dan ahli parti.*
> *"Tujuan mereka buat begitu untuk memudahkan mereka merebut jawatan dalam UMNO bahagian selepas PRU-14.*
>
> (Sumber: Berita Harian, 20 Mei 2018)

Berdasarkan petikan ini jelas menunjukkan bahawa sikap *cah keting* ini masih lagi berlaku dalam kalangan ahli politik. Oleh itu, penggunaan perkataan *cah keting* di dalam judul ini merujuk kepada sikap menjatuhkan atau menyingkirkan seseorang daripada bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Kesimpulan

Berdasarkan data dan dapatan yang telah diperolehi telah menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 28 buah judul berita menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Kesemua judul ini dapat dibahagikan kepada tiga bentuk kata sahaja, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Setiap judul ini seterusnya akan dianalisis dengan menggunakan teori semiotik. Setiap data akan dianalisis dalam tiga peringkat tanda, iaitu tanda sintaktis, tanda semantik dan tanda pragmatik. Sehubungan itu, hasil dapatan yang telah dianalisis menunjukkan bahawa judul-judul berita yang menggunakan perkataan implisit ini tidak dapat memberikan makna yang jelas kepada pembaca.

Di samping itu, judul yang menggunakan perkataan implisit adalah untuk menarik minat pembaca untuk membaca berita yang ditulis. Hal ini kerana perkara yang akan dilihat oleh pembaca sebelum membaca sesuatu berita ialah judul berita. Menurut Yuentie Sova Puspidalia (2015), judul berita yang menarik mampu menarik perhatian pembaca untuk membaca keseluruhan berita yang dipaparkan. Oleh itu, berita yang mempunyai judul yang menarik atau sensasi sudah pasti dapat menarik minat pembaca untuk membaca keseluruhan berita tersebut.

Sehubungan itu, penggunaan perkataan implisit adalah kurang sesuai untuk dijadikan sebagai judul berita. Hal ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang hendak disampaikan. Dalam pada itu, pihak wartawan atau media seharusnya memilih perkataan yang sesuai dan mudah difahami oleh pembaca dalam menulis judul berita. Perkataan yang dipilih seharusnya bersifat umum dan tidak merujuk kepada mana-mana dialek atau loghat supaya pembaca terus dapat memahami perkataan yang digunakan. Hal ini juga memudahkan penyampaian maklumat yang lebih tepat dan berkesan kepada pembaca. Pemilihan perkataan yang mempunyai makna implisit boleh digunakan sekiranya perkataan itu sudah sinonim atau sebati dengan pemahaman masyakarat. Hal ini kerana apabila pembaca membaca perkataan tersebut, mereka akan terus dapat memahami perkara yang hendak disampaikan. Oleh itu, pihak wartawan dan media seharusnya berhati-hati dalam memilih perkataan yang sesuai untuk dijadikan sebagai judul berita supaya maklumat yang hendak disampaikan kepada pembaca dapat disampaikan dengan tepat dan jelas.

Rujukan

Afrilla Wulandari. (2013). Analisis Kesalahan Penggunaan Diksi Pada Tajuk Rencana Harian Haluan Kepri Edisi April dan Mei 2013. *Jurnal Umrah*.

Ali Romdhoni. (2016). Semiotik Morris dan Tradisi Penafsiran AlQuran: Sebuah Tawaran Tafsir Kontekstual. *Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*, 13, 149-166.

Ana Yuliastanti. (2008). *Bekerja Sebagai Desainer Grafis*. Diakses pada 9 Disember di laman web https://books.google.com.my/books?id=UQq7CAAAQBAJ&pg=PT89&dq=Pencampuran+hitam+dan+putih+akan+menghasilkan+warna+abu-abu.&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwjjlfCkypLfAhWMP48KHbWXB5kQ6AEILDAA#v=onepag

e&q=Pencampuran%20hitam%20dan%20putih%20akan%20menghasilkan%20warna%20abu-abu.&f=false

Ahmad Harith Syah Md. Yusuf. (2008). Fungsi Makna Imbuhan Awalan peN-: Satu Analisis Teori Relevans. Disertasi tesis Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Bambang Mudjiyanto & Emilsyah Nur. (2013). Semiotika dalam Metode Penelitian Komunikasi. *Jurnal Penelitian Komunikasi, Informatika dan Media Massa,* 16, 73-81.

Bell, A. (2003). A Century of News Discourse. *International Journal of English Studies*, 3, 189-208.

Dwi Laksmi Karengga Ruci. (2013). Diksi dalam Judul-judul Berita Harian Lampu Hijau. *Suluk Indo*, 1, 1-15.

Fanny Indriawaty. (2008). Asosiasi Pornografi Pembaca Terhadap Judul Berita Selebriti Harian Lampu Merah: Sebuah Tinjauan Semantis. Disertasi tesis Sarjana, Universiti Indonesia. Diakses pada 11 September 2017 di laman web http://lib.ui.ac.id/file?file=digital/20160293-RB01I284a-Asosiasi%20pornografi.pdf

Faridah Ibrahim & Chau Pao Ling. (1997). Analisis Semantik Objektiviti citra Ahli Politik Wanita Tempatan dan Antarabangsa. *Jurnal Komunikasi*,13, 67-91.

Jeniri Amir.(2006). *Belajar Menjadi Wartawan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat.(2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua. (2011). Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd

Leni Safrika, Warni & Andiopenta Purba. (2015). Analisis Penggunaan Idiom dalam Berita Kriminal Surat Khabar Harian Jambi Independent Edisi Juni 2013. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra,* 5, 72-85.

Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. (2016). Slogan Iklan dalam Majalah: Yang Tersurat dan Tersirat. Proceeding of ICECRS, 85-92.

Mana Sikana. (2001). Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera. *Jurnal Bahasa*. 193-212.

Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa.(2017). Teknologi Pendorong kepada Transformasi Corak Penulisan Berita Pilihan Raya Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan,* 12(3).

Muda Mohd Noor. (2008). UMNO: Sokongan Pengundi Naik. Malaysiakini. Diakses pada 27 Disember 2018 di laman. web https://www.malaysiakini.com/news/78740

Muhammad Zuhair Zainal, Al-Amin Mydin & Ahmad Mahmood Musanif. (2018). Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi,* 34(2), 243-262.

Nor Saadah Mohd Salleh & Hashim Musa (2016). Kepelbagaian Makna Leksikal dalam Iklan Produk Kecantikan. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 3(1), 25-36.

Sari Wulandari. (2010). Bedah Logo Autocillin Menggunakan Teori Semiotika. *Jurnal Binus*, 1(2), 478-488.

Shahrul Azman Mohd Noah, Nazlena Mohamad Ali & Mohd Sabri Hasan. (2018). Penentuan Fitur Bagi Pengekstrakan Tajuk Berita Akhbar Bahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies,* 18(2), 154-167.

Syamsidah & Raja Masittah. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej dalam Iklan Radio Berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 1, 65-75.

Tatabahasa Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2007). Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, 157-171.

Tsar Prasojo R. (2012). Diksi dan Gaya Bahasa dalam Rubik Konsultasi Tabloid Nyata Edisi Januari-Maret 2012. *Jurnal Sapala*, 1(1), 1-11.

Yuentie Sova Puspidalia. (2015). Bentuk Fungsi, dan Makna Kias dalam Judul Berita Majalah Gatra dan Pemanfaatannya Pada Pembelajaran Bahasa Indonesia di PGMI Stain Ponorogo. *Jurnal Cendekia*.

Yusof Al-Uqshari. (2005). *Sukses Bergaul Menjalinkan Interaksi dengan Hati*. Diakses pada 9 Disember 2018 di laman web https://books.google.com.my/books?id=QavRxfOipjUC&pg=PA153&dq=ciri+orang+yang+suka

+warna+hitam&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwi_2PX7zJLfAhVRSX0KHcizCkkQ6AEIKjAA#v=onepage&q=ciri%20orang%20yang%20suka%20warna%20hitam&f=false

Zeti Azreen Ahmad, Ismail S.Y. Ahmed, Hartini Wakichan & Hazwani Halem. (2017). GE 13: The Influence of Ethnic Newspapers in Shaping the Opinion of Indian and Chinese Voters. *Jurnal Komunikasi,* 33(2), 40-54.

Zulkifli Jalil .(2018). Cah Keting Lagikah?. Utusan Online.Diakses pada 23 September 2018 di laman web http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cah-keting-lagikah-1.631494